

Kejayaan universiti tak tertakluk autonomi

KUANTAN 21 Feb. - Kecemerlangan sesebuah universiti tidak hanya tertumpu kepada pemilikan kuasa sendiri atau autonomi, sebaliknya ia boleh dilakukan melalui pelbagai program yang produktif, kreatif dan cekap.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti masih boleh beroperasi dengan cekap dan lebih berinovasi untuk terus maju dengan mengatasi kekangan



DAING NASIR

yang dika-
takan ber-
punca dari ti-
dak berau-
tonomi.

“Ke-
susas-
teraan pengajian tinggi ada mencadangkan bahawa autonomi dan persaingan akan menyumbang kepada produktiviti universiti dan jelas kedua-duanya harus wujud bersama.

“Ada bahayanya jika universiti diperkasakan dengan autonomi tetapi tidak pula diperkasakan dalam persekitaran persaingan yang menuntut disiplin tinggi dalam mendapatkan dana penyelidikan, anggota fakulti dan penuntut,” katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas Majlis Amanat Naib Canselor 2014 di Dewan Kompleks Sukan Universiti di Gambang, kelmarin.

“Tidak ada maknanya bagi universiti menuntut autonomi sekiranya mereka tidak mampu bertindak melalui program yang lebih kreatif dan berdaya saing.

“Memetik kata-kata seorang ahli akademik, Aghion Dewatripont yang menyatakan universiti akan lebih berdaya saing dan berautonomi sekiranya tidak perlu mendapatkan kelulusan kerajaan untuk bajetnya, memilih penuntut prasiswazah secara bebas dan membayar ahli fakulti dengan kaedah fleksibel,” jelasnya.